



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 9 JANUARI 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	HARUMANIS TIRUAN MEMBIMBANGKAN, DALAM NEGERI, UM -12	LAIN-LAIN
2.	MANFAAT PROJEK KOTAK FERTIGASI PINTAR, NASIONAL, SH -5	
3.	RAIH LEBIH RM12,000 SEMUSIM, NEGARA, KOSMO -17	
4.	PROJEK KLIP JEJAS NELAYAN TEMPATAN, DALAM NEGERI, UM -13	

**UKKMAFI**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

9/1/2021

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

12

Dijual di tepi-tepi jalan, pasar pagi dengan harga serendah RM7 sekilogram

# Harumanis tiruan membongkan

Oleh MOHD. HAFIZ

ABD. MUTALIB  
hafiz@vubek@mediamalaysia.com.my

**KANGAR:** Kemunculan harumanis tiruan di pasaran negeri ini serta negeri-negeri lain termasuk Kuala Lumpur sejak beberapa tahun kebelakangan ini cukup membimbangkan, sekali harumanis Perlis.

Mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Persatuan Pengusaha Harumanis negeri, Datuk Hashim Suboh, berkata, nama harumanis itu digunakan pada mangga Siam, Kemboja atau jenis Keo Romeat.

Katanya, harumanis tiruan itu lazimnya dijual di tepi-tepi jalan selain pasar-pasar pagi di negeri ini termasuk Kuala Lumpur dengan harga sekitar RM7 hingga RM10 sekilogram.

"Buah harumanis tiruan itu banyak dijual pada musim harumanis sehingga Julai dan Oktober dengan pengguna yang tidak tahu tertipu dengan peniaga yang menjualnya.

"Kita tidak kisah jika peniaga tersebut (Kemboja) tetapi janganlah menggunakan nama harumanis. Ia menimbulkan pandangan buruk orang terhadap harumanis kerana buah tiruan tersebut tidak sama dengan harumanis Perlis," katanya.

Menurut Hashim, perbezaan harumanis tiruan itu boleh diukur dari segi keharumannya yang berbeza antara 10 peratus hingga 20 peratus berbanding

Kemboja itu.

"Apabila saya jumpa peniaga yang menjual harumanis tiruan itu, saya tegur supaya penjual itu tidak menggunakan nama harumanis sebaliknya guna nama asal.

"Tindakan tidak bertanggungjawab itu menyebabkan integriti serta imej harumanis terjejas malah bagi mereka yang ingin menikmati harumanis sebenar itu berasa kecewa apabila tertipu dengan membelinya," katanya.

Sehubungan itu, beliau menggesa pihak bertanggungjawab agar mengambil tindakan segera dan tidak membiarkan masalah tersebut terus berlarutan.

Dalam masa sama, beliau meminta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menetapkan satu dasar yang tegas untuk melindungi harumanis dan mangga tempatan daripada kebanjiran mangga import.

"Ia termasuk dengan mengambil langkah menyekat permit import buah berkenaan khususnya pada musim pengeluaran harumanis.

"Selain itu, kita meminta Kementerian dan Jabatan Pertanian segera mempatenkan harumanis sebagai satu produk.

"Ketika ini, harumanis Perlis adalah paten yang dibuat berasaskan Petunjuk Geografi. Paten ini tidak mencukupi untuk tindakan undang-undang diambil terhadap penggunaan nama harumanis termasuk harumanis tipu," katanya.



**HASHIM Suboh** menunjukkan mangga Kemboja yang disalah guna oleh segelintir peniaga dengan mananankan sebagai harumanis ketika ditemui di Kangar. **Perlis - UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**

harumanis Perlis yang sebenar. Katanya, dari segi kemanisan buah harumanis tiruan itu pula

berbeza sehingga 60 peratus selain tekstur harumanis Perlis tidak sama dengan mangga

## INFO HARUMANIS

• **Nama saintifik:** *Mogifera indica* Linn.

• **Harga pasaran:** RM35 sekilogram

• Musim harumanis adalah pada Mac hingga Mei setiap tahun.

## CIRI-CIRI HARUMANIS

- Buah masak berwarna hijau (bergantung pada jenis dan warna pembalut).
- Buah tiada leher.
- Hujung buah rata dan tumpul.
- Ada kalaupun sirus seketika dalam.
- Serat terlekat pada biji, kulit sangat sedikit.
- Tekstur isi halus.
- Isi buah masak berwarna kuning jingga, manis, harum dan sangat berjus.
- Brix (darjah) kemanisan 16-24.
- Biji jenis polimerit.
- Harumanis mengandungi khasiat seperti zat besi, selenium, L-glutamine dan beta carotene.
- Harumanis Perlis diperkaya dengan vitamin A, C, B6, B9 dan E.



# Manfaat projek kotak fertigasi pintar

Inisiatif Felda bagi membantu peneroka di tanah rancangan tambah pendapatan sampingan

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ  
WAN MANSOR

KUBANG PASU

**P**rojek kotak fertigasi pintar merupakan antara kaedah terbaharu Felda bagi membantu peneroka-peneroka di tanah rancangan untuk menambah pendapatan sampingan sehingga mampu meraih sebanyak RM300 sebulan.

Inisiatif di bawah Program Pembangunan Peneroka (PPP) itu melibatkan kos RM2,000 yang ditanggung oleh Felda dan diberikan kepada setiap peneroka yang terpilih.

Projek di bawah PPP Wilayah Alor Setar yang dilancarkan oleh Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md Nor dan Pengerusi Felda, Datuk

Seri Idris Jusoh di Felda Laka Selatan di sini pada Rabu itu bakal disertai seramai 85 peneroka di kawasan tersebut.

Muhammad Sanusi berkata, walaupun tambahan pendapatan bulanan diraih sekitar RM150 hingga RM300, namun kaedah itu dilihat amat membantu dalam meringankan beban peneroka dalam berdepan kos sara hidup yang semakin meningkat.

Menurutnya, kerajaan Kedah berharap program seumpama itu dapat digiatkan lagi ke seluruh tanah rancangan di negeri ini.

Sementara itu, Idris berkata, projek PPP yang dilancarkan itu akan menjadi salah satu wadah untuk Felda membantu peneroka mencapai pendapatan sehingga RM5,000 menjelang 2023.

Pengarah Jabatan Pembangunan Pertanian dan Ternakan Felda, Hasrin Ismail pula berkata, matlamat PPP adalah untuk menambah pendapatan peneroka, selain hasil sawit dan getah.

Menurutnya, projek kotak fertigasi pintar itu juga merupakan antara langkah Felda



Dari kiri: Idris, Muhammad Sanusi dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Kayu Hitam, Hailmaton Shaadiah Saad melihat hasil projek kotak fertigasi pintar di Felda Laka Selatan, Kubang Pasu pada Rabu.



NORALAM



HASSAN



HASRIN

Menurutnya, penjagaannya yang diperlukan juga adalah minimum kerana kotak fertigasi dilengkapi sistem automatik bagi menguruskan 100 pokok cili.

"Di Felda Semenchu, seramai 150 orang peneroka terlibat mengusahakannya pada Jun 2020. Mereka telah menerima manfaat yang baik menerusi program pembangunan peneroka ini terutama dalam membantu menambahkan pendapatan sampingan keluarga masing-masing.

"Peneroka Felda rata-rata telah berumur dan dengan kaedah serta sistem automatik yang ada ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban mereka berbanding kaedah tanaman tradisional yang memerlukan kawasan tanah yang luas," katanya.

Ketua Peneroka Felda Laka Selatan, Hassan Othman, 65, pula berkata, beliau mengharapkan projek tanaman kotak fertigasi berkenaan dapat diperluaskan kepada lebih ramai peneroka lagi di kawasan-kawasan rancangan Felda lain di Kedah.

Menurutnya, beliau yang mewakili 85 peneroka di Felda Laka Selatan menghargai usaha Felda dan berterima kasih kepada kerajaan kerana sentiasa berusaha membantu meningkatkan taraf hidup peneroka dan ahli keluarga mereka.

"Kami sangat berterima kasih kepada Felda kerana memberikan peluang kepada peneroka untuk menambahkan pendapatan sampingan menerusi projek tanaman cili ini," katanya.

membantu peneroka, selain projek-projek perintis PPP lain seperti tanaman halia muda di Felda Raja Alias, Jempol, Negeri Sembilan yang mempunyai permintaan tinggi di pasaran.

"Fokus PPP adalah tanaman jangka masa pendek seperti cili dan halia muda, selain bidang ternakan seperti arnab, ikan tilapia, kambing tenusu serta kambing daging.

"Kami melihat kepada permintaan dan jaminan pasaran sesuatu produk terlebih dahulu sebelum Felda memulakan se-

buah projek tanaman atau ternakan," katanya.

Beliau berkata, projek kotak fertigasi pintar dilaksanakan di halaman rumah peneroka kerana tidak memerlukan kawasan luas, malah boleh diuruskan bersama ahli keluarga yang lain.

## Keuntungan

Jumlah keseluruhan yang diperuntukkan oleh kerajaan bagi PPP adalah sebanyak RM1 bilion bermula pada tahun 2020. Sehingga kini, kerajaan menyalurkan sebanyak RM134 juta dan daripada jumlah itu Felda membelanjakan sekitar RM14 juta untuk tujuan PPP.

"Dalam sebuah keluarga peneroka, seorang ahli keluarga layak untuk mendapat geran PPP bernilai RM2,000 dan kita akan membuat tapisan terlebih dahulu agar apa yang diusahakan itu boleh membawa keuntungan," katanya.

Pengusaha kotak fertigasi pintar dari Felda Semenchu, Kota Tinggi, Mohamad Noralam Sahroni, 41, berkata, tanaman menggunakan kaedah tersebut tidak memerlukan ruang luas dan tenaga yang banyak.



Projek kotak fertigasi pintar di bawah PPP melibatkan kos sebanyak RM2,000.



Muhammad Sanusi (tiga dari kanan) menyempurnakan simbolik penyerahan projek kotak fertigasi pintar kepada peneroka di Felda Laka Selatan, Kubang Pasu pada Rabu.



Pesawah pilih tanam padi pulut siding beri pulangan yang tinggi

# Raih lebih RM12,000 semusim

Oleh WAT KAMAL ABAS

**PARIT BUNTAR** – Seorang pesawah meraih pendapatan bernilai lebih RM12,000 semusim bagi satu hektar sawah selepas menanam dan menuai hasil padi pulut siding (MR47) sejak dua tahun lalu.

Mohd. Khairil Abdul Rahim, 39, berkata, dia mula menggunakan penanaman padi pulut siding sejak 2018 secara penanaman tradisional.

Menurutnya, dia telah menggunakan varieti padi pulut siding selama lapan musim di atas tapak seluas 7.5 hektar daripada 12 hektar tanah miliknya di Kampung Parit Tanjung Piandang di sini.

Tambah Mohd. Khairil, dia memilih menanam varieti pulut siding kerana harganya yang tinggi di samping mahu menjadikan padi pulut yang di tanam di sini sebagai bahan produk untuk pasaran tempatan.

"Setakat ini di kawasan Kerian tiada lagi pesawah yang menanam padi pulut.

"Menurut pegawai peranian daerah Kerian juga hanya saya seorang sahaja di negeri ini yang mengusahakannya," katanya ketika ditemui pemberita pada Majlis Pelancaran Program Padi Pulut Tempatan di Kampung Parit Tanjung Piandang di sini kelmarin.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan

dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria berkata, penanaman padi pulut ini amat berpotensi untuk ditanam namun dalam jangka sekuriti makanan, ia bukanlah makanan ruji dan perlu dihadkan penanamannya.

"Jabatan Pertanian Perak bercadang akan mengazetkan satu kawasan yang dipilih dengan keluasan mengikut kesesuaian bagi membenarkan penanaman padi pulut seperti ini bagi pasaran tempatan.

"Negara kini mengimport beras pulut sebagai makanan sampingan dengan nilai RM30 juta setahun dan penanaman padi pulut ini mampu mengurangkan kadar import tersebut," ujarnya.



MOHD. KHAIRIL (tiga dari kanan) menunjukkan padi pulut siding yang ditanamnya kepada Razman (kanan) di Parit Buntar, kelmarin.



# Projek KLIP jejas nelayan tempatan


Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**  
badrul.isa@mediamula.com.my

**PORT DICKSON:** Projek Pelabuan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP) bernilai RM5 bilion di Kuala Linggi, Melaka yang ura-ura pembinaannya akan bermula pada suku pertama tahun ini membinasakan nelayan di Telok Kemang.

Bersempadan dengan Kuala Linggi, nelayan-nelayan di Telok Kemang mendakwa pembinaan pelabuhan antarabangsa itu yang melibatkan kerja-kerja menambak laut seluas kira-kira 248 hektar tentunya memberi kesan kepada kawasan perairan di Negeri Sembilan.

Mahu atau tidak, kesannya turut mengganggu habitat ikan dan hidupan marin yang lain sekali gus menjejaskan mata pencarian kira-kira 200 nelayan di kawasan Telok Kemang, tidak termasuk nelayan di Melaka.

Pengerusi Persatuan Nelayan Telok Kemang, Md. Isa Johar berkata, nelayan-nelayan di Telok Kemang hanya tahu mengenai projek berkenaan akan memberi kesan sehingga ke perairan Tanjung Tuan namun maklumat lain yang berkaitan termasuk isu pampasan kepada mereka terjejas tidak diketahui dan dimaklumkan pihak bertanggungjawab.



ILUSTRASI Ifsa  
kepada projek  
Pelabuhan  
Antarabangsa  
Kuala Linggi -  
IH-SAN KLIP

kecil," katanya.  
Tambahan, nelayan juga ada persatuan mereka dan persatuan tersebut juga berhak untuk mendapat pampasan.

"Sekarang ini nelayan tidak ambil tahu projek itu apa tujuannya. Saya harap kerajaan Negeri Sembilan dapat campur tangan dalam isu ini seperti mana kerajaan Melaka yang berjumpa dengan nelayan menerusi pegawai dari Unit Perancang Ekonomi Negeri mereka.

Difahamkan, projek pembinaan KLIP akan dimulakan pada suku pertama tahun ini dan akan mengambil masa lima hingga lapan tahun.

Ia kemudian akan dimajukan dengan pelbagai kemudahan berkaitan pelabuhan yang membarikan perkhidmatan kepada kapal antarabangsa termasuk akan menempatkan tangki simpanan cecair, limbungan pembaikan kapal, limbungan fabrikasi komponen minyak dan gas serta dermaga untuk fasiliti himpitan kapal.

Sementara itu, seorang nelayan, Mohd. Nizam Talib, 45, berkata, dengan adanya pelabuhan antarabangsa itu kelak, kawasan untuk nelayan pantai mencari hasil tangkapan ikan juga semakin mengecil termasuk dengan kehadiran kapal-kapal dagang yang besar.

malah kami diberitahu projek ini nanti akan turut menyediakan banyak peluang pekerjaan terutama kepada generasi muda namun berapa banyak kerja pula yang boleh diisi oleh nelayan yang majoritinya sudah berumur.

"Pampasan ini penting bagi nelayan gunakan untuk menaik taraf bot mereka, tukar enjin dan jaring untuk pergi mencari hasil di kawasan yang lebih jauh kerana semua nelayan pantai hanya menggunakan bot-bot

ingat mendapatkan kelulusan Laporan Impak Alam Sekitar (EIA). Tetapi baru-baru ini kami mendapat tahu projek tersebut akan mula dibina tidak lagi," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di Tanjung Agas, Linggi baru-baru ini.

Tambah Md. Isa, nelayan tidak menolak pembangunan projek pelabuhan antarabangsa tersebut namun nasib mereka perlu dibela terutamanya dalam isu pampasan yang setimpal.

"Nelayan tidak menolak,

"Mata pencarian nelayan mesti terjejas, projek KLIP ini akan melibatkan masa pembinaan bertahun-tahun, ia akan meliputi kerja-kerja menambak pasir laut, habitat ikan tentu akan musnah jadi apa nasib nelayan pantai seperti kami?"

"Projek ini telah diketahui sejak 2016 namun masih belum lagi berjalan pembinaannya dan apa yang kami dimaklumkan oleh pihak perunding projek baru-baru ini, ia masih di per-